


12 • Tanggungjawab Sosial UniMAP (USR)



TANGGUNGJAWAB SOSIAL UniMAP

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bersama masyarakat berpisah tiada. Hubungan yang baik dengan penduduk setempat telah membuatkan UniMAP dekat di hati masyarakat khususnya rakyat Negeri Perlis. Tanggungjawab Sosial UniMAP (*UniMAP Social Responsibility, USR*) memupuk minat warga UniMAP dalam aktiviti kesukarelawanan bagi mewujudkan budaya prihatin dan keakraban UniMAP dengan penduduk setempat tanpa mengira had umur serta pangkat. Penganjuran beberapa program dan aktiviti di peringkat nasional iaitu di sekitar negeri Perlis dan beberapa negeri di Malaysia serta di peringkat antarabangsa bagi tahun 2017 meningkatkan imej dan reputasi UniMAP agar sentiasa relevan dan visible.

UniMAP Sukarelawan Teramai Misi Bantuan Banjir di Pulau Pinang

Tanah air telah digemparkan dengan bencana banjir kilat yang menimpa Pulau Pinang akibat fenomena hujan lebat dan angin kencang berterusan menjejaskan kebanyakan kawasan di Pulau Pinang. Hampir kesemua kawasan di negeri ini lumpuh ekoran jalan ditutup kerana ditenggelami air setelah hujan lebat berlarutan selama empat hari. Hujan lebat hamper 17 jam beserta angin kencang menyebabkan puluhan jalan ditutup, ribuan rumah ditenggelami air, ratusan pokok tumbang, tanah runtuh di beberapa kawasan dan tujuh nyawa turut terkorban. Sistem pengangkutan awam seperti bas rapid dan Lapangan Terbang juga terpaksa dihentikan berikutan banjir buruk ini. Sehubungan itu, UniMAP mengambil inisiatif untuk menghulurkan bantuan dengan menganjurkan Misi Bantuan Pasca Banjir Pulau Pinang yang diketuai oleh Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai urusetia.

UniMAP telah menghantar sukarelawan teramai dengan 740 orang dengan tiga misi di mana Misi Pertama bermula 7,9 dan 10 November; Misi Kedua pada 11 dan 12 November 2017; dan Misi Ketiga pula pada 13 dan 18 November 2017. Misi ini menunjukkan komited UniMAP menjalankan Tanggungjawab Sosial UniMAP membantu masyarakat dan mereka yang terlibat adalah warga UniMAP yang secara sukarela menawarkan diri untuk bersama-sama dalam program ini. Sukarelawan ini telah membantu rumah-rumah mangsa banjir yang melibatkan kawasan Ayer Hitam dan Bandar Perda, Pulau Pinang seperti di Jalan Shaik Madar, Kg Rowana, Jalan P. Ramlee, Kg. Guar Perahu dan Kg. Dodol. Apa yang lebih membanggakan Sukarelawan UniMAP kelihatan begitu bersemangat dan ceria walaupun kepenatan setelah seharian bertungkus lumus membantu membersihkan kawasan rumah dan kawasan sekitar yang terjejas akibat banjir. Untuk rekod, sepanjang tahun 2017, UniMAP telah menjalankan 30 aktiviti kesukarelawan dengan jumlah seramai 1,875 sukarelawan yang terdiri daripada staf dan juga pelajar.



Program A-HEART UniMAP


Sebanyak empat siri program Hub Sumber Pendidikan dan Latihan Autisme (*Autism Hub for Educational Resources and Training, A-HEART*) UniMAP telah dianjurkan dengan jayanya bagi tahun lalu anjuran Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Dua daripada program tersebut telah dianjurkan bersama program CSR Bank Rakyat iaitu Program Jalinan Kasih Bank Rakyat - A-HEART UniMAP dan Program Bank Rakyat A-HEART Rainbow Walk. Program Jalinan Kasih Bank Rakyat - A-HEART UniMAP telah diadakan



pada 13 Januari 2017 bertempat di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Program ini diadakan bertujuan untuk menerangkan aspek penjagaan pemakanan untuk anak-anak autisme, melatih kaedah penyediaan menu lengkap kepada para ibu bapa untuk menarik minat dan selera anak-anak autisme dan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan para ibu bapa terhadap menu makanan sihat. Selain itu, terdapat segmen khas aktiviti melukis dan mewarna serta pameran hasil kerja anak-anak autisme di ruang Galeri Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis turut mencemar duli berangkat ke majlis. Program turut dihadiri oleh Pengurusan UniMAP, Lembaga Pengarah Bank Rakyat dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bank Rakyat.



Program Bank Rakyat A-Heart Rainbow Walk pula telah diadakan pada 26 Mac 2017 bertempat di Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra, Universiti Malaysia Perlis. Program ini disertai oleh staf dan pelajar UniMAP, pengurusan Bank Rakyat, anak-anak autisme dan keluarga, IPT sekitar Perlis, sukarelawan A-HEART dan masyarakat sekitar. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang keperluan anak-anak autisme dan peranan masyarakat untuk memberi sokongan demi kehidupan yang lebih sejahtera, mengumpul dana untuk menawarkan perkhidmatan terapi kepada anak-anak autisme dalam kalangan warga UniMAP dan warga Perlis yang kurang berupaya. Selain itu, program ini bertujuan untuk mengumpul dana bagi merealisasikan penubuhan pusat autisma A-HEART UniMAP. Program lain yang turut diadakan ialah acara jalan kaki dan Pertandingan Mewarna Nuri yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah yang terpilih di negeri Perlis.



Selain itu, terdapat juga Program Mingguan Kelas Mengaji Al-Quran & Ibadah Anak-Anak Istimewa UniMAP (KEMANIS) A-HEART sejak tahun 2015 lagi secara mingguan pada hari Sabtu jam 9.00 pagi - 11.00 pagi di Hub A-HEART UniMAP yang terletak di Aras 2 Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP). Program ini bertujuan untuk memenuhi keperluan spiritual, emosi dan pengurusan tingkah laku anak-anak istimewa, ianya menjadikan Al-Quran dan Ibadah sebagai terapi terbaik bagi anak-anak istimewa. Peserta program KEMANIS ini adalah terdiri daripada anak-anak staf UniMAP dan masyarakat sekitar negeri Perlis yang menghadapi masalah autisme.



Program Kelas Asas Bahasa Inggeris Dan Tagalog Bersama Anggota Tentera Bukit Cowder Perlis

UniMAP melalui Pusat Bahasa Antarabangsa (CIL) dengan kerjasama 4RRD Kem Bukit Cowder telah menganjurkan Kursus Bahasa Inggeris melibatkan hampir 50 orang pegawai tentera ATM. Pasukan tentera darat ini akan bersama anggota tentera Filipina pada bulan Oktober 2017 untuk misi Eksesais Land Malphi Siri 18/2017. Misi ke luar negara ini pastinya menuntut anggota tentera untuk berkomunikasi menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Melayu. Justeru, CIL mengambil langkah kerjasama untuk mengadakan kelas bahasa Inggeris dan asas bahasa Tagalog sebagai persediaan mereka ke misi tersebut. Program ini meningkatkan imej UniMAP sebagai agensi pendidikan yang mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa untuk membantu badan beruniform yang berbakti kepada Negara.



Selain dua program kerjasama dengan Bank Rakyat, UniMAP juga telah menganjurkan Pameran A-HEART'S WOW pada 10 Ogos 2017 bertempat di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Terdapat 50 lukisan berkonsepkan senibina dan flora telah dihasilkan oleh Prof. Dr. Abdul Hamid Adom, ahli akademik di Universiti Malaysia Perlis dan Encik Dylan Teoh Teng Sit, seorang pelukis dari Pulau Pinang. Lukisan tersebut dipamerkan dalam pameran A-HEART'S WOW. Pameran ini bertujuan menjana kewangan A-HEART melalui jualan lukisan.



13 hingga 17 Jun 2017



43 anggota tentera Bukit Cowder & 5 orang Staf Pusat Bahasa Antarabangsa



BSM 2, PPK Mikroelektronik, Kampus Pauh UniMAP

Program Memperkasa Bahasa Melayu Wilayah Andaman (Phangnga) Dan Nakhon Si Thammarat, Thailand

MAIPs dengan kerjasama institusi pengajian tinggi di negeri Perlis dan Pusat Bahasa Antarabangsa UniMAP telah dipertanggungjawabkan untuk mengajar Bahasa Melayu kepada guru-guru di wilayah Andaman, Thailand. Program ini memberi ruang dan peluang kepada UniMAP untuk terus menjalin kerjasama pintar dengan institusi luar Negara dalam usaha keterlihatan antarabangsa. Disamping itu, program ini memberi pendedahan dan menggilap bakat staf UniMAP serta institusi pengajian luar Negara melalui kerjasama ilmu bahasa Melayu. Program ini mendukung saranan kerajaan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN. Impak daripada program ini, guru di sekolah Fahad Wittayathan School sudah mula menguasai bahasa Melayu asas dan sudah membuka kelas pengajaran bahasa Melayu dalam jadual pengajaran. Sebuah buku silibus pembelajaran sedang dibangunkan oleh CIL dan Guru di Santhitam Islamic School berminat untuk mendapatkan khidmat nasihat bahasa daripada UniMAP



Program Jejak Warisan Mendaki dan Pembersihan Puncak Gunung Jerai dan Gunung Baling Kedah

Program pendakian Jejak Warisan Gunung Jerai, Kedah adalah pendakian gunung pertama kali dianjurkan oleh Kelab Staf FTKE dan kali ini satu misi CSR dilancarkan untuk membersihkan puncak Gunung Jerai sambil menikmati keindahan alam flora dan fauna. Seramai 27 orang peserta UniMAP termasuk staf, ahli keluarga dan pelajar terlibat dalam pendakian ini. Peserta program kali ini menempuh jarak perjalanan sejauh 13 km dari Muzium Arkeologi Lembah Bujang melalui puncak Kepala Angin, seterusnya ke puncak Gunung Jerai. Program ini telah merapatkan ukhwh antara peserta dan memupuk semangat cintakan alam dalam diri para peserta.



Peserta program



Selain Gunung Jerai, sebanyak dua kali misi iaitu pada 11 Mac 2017 dan 16 September 2017 telah dilancarkan untuk membersihkan puncak Gunung Baling yang disertai oleh staf dan pelajar UniMAP beserta ahli keluarga. Antara objektif program ini adalah untuk merapatkan ukhuwah dan mewujudkan semangat kerja berpasukan dalam kalangan staf, keluarga dan pelajar. Objektif lain adalah untuk mengamalkan gaya hidup sihat di samping menjaga alam sekitar semasa pendakian. Misi kali kedua juga diadakan sebagai satu bentuk sokongan sempena sambutan Hari Malaysia ke-54 yang disambut pada 16 September setiap tahun.

Masjid as the Focal Point for Disaster Management and Convergence Technology (MFordCT)

Pada 7 Mei 2017 telah diadakan Pelancaran projek Masjid as the Focal Point for Disaster Management and Convergence Technology (MFordCT) bertempat di Kampus UniCITI ALAM. MFordCT terdiri peranti dan sensor yang dapat memberikan amaran awal jika bencana alam seperti banjir, gempa bumi dan sebagainya berlaku di negeri Perlis. Projek dilancarkan oleh DYTU Tuan Syed Faizuddin Putra Ibni Tuan Syed Sirajuddin Jamalullail. Bersempena dengan pelancaran telah dianjurkan aktiviti-aktiviti lain seperti Kayuhan MAIPs Peduli dan Fun Walk.



Perlancaran kayuhan basikal di perkarangan kampus UniCITI ALAM

KITA.RECYCLE



Peserta kumpulan baik pulih bertungkus lumus membaiki perabot yang rosak.



Para pelajar bersungguh-sungguh melukis mural

Pada 25 hingga 29 Ogos tahun lalu bertempat di SMK Tun Perak Kuala Kangsar, Perak telah dianjurkan program KITA.RECYCLE dalam inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Melalui kolaborasi KPM yang diterajui Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dengan pelbagai agensi bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidikan. Program ini berkonsepkan perkongsian sumber melibatkan pegawai KPM, pensyarah dan pelajar IPTA. UniMAP merupakan satu-satunya universiti yang dipilih untuk sesi projek ini di mana aktiviti utama ditumpukan kepada membaiki pulih fizikal bangunan dan kemudahan sekolah. Pasukan UniMAP dipimpin oleh Naib Canselor, Y.Bhg. Dato' Profesor Dr. Zul Azhar, Dekan FTK Profesor Dr. Hazry Desa sebagai Penasihat, Ir Mohd Badrul Manaf sebagai Pengurus. Program ini disertai oleh tiga orang pensyarah FTK yang diketuai oleh Dr. Umar Kassim dan 30 orang pelajar kejuruteraan. Majoriti pelajar dari Jabatan Teknologi Kejuruteraan Awam, Fakulti Teknologi Kejuruteraan selain pelajar pusat pengajian kejuruteraan yang lain. NBOS KPM telah membiayai sepenuhnya peruntukan untuk Projek KITA.RECYCLE.

Tabung Kemanusiaan Rohingya

PRIHATIN dengan nasib Rohingya yang menjadi pelarian, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah melancarkan Tabung Kemanusiaan Rohingya UniMAP bersempena dengan Istiadat Konvokesyen ke-12 UniMAP yang lalu. UniMAP telah melancarkan tabung berkenaan sebagai

tanggungjawab sosial UniMAP kepada insan sejagat. Turut sama menyaksikan pelancaran tabung itu Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Datuk Dr Mohd Sofi Osman, ahli-ahli LPU, Naib Canselor UniMAP, Datuk Dr Zul Azhar Zahid Jamal dan barisan pengurusan tertinggi universiti itu.



Persembahan Busking Amal UKR Untuk Tabung Rohingya



Penyerahan Kutipan Sumbangan

Selain daripada itu juga beberapa program telah dijalankan bagi mengumpul sumbangan bagi tabung ini di mana pada 21 April 2017 yang lalu bertempat di Dewan Kecemerlangan UniMAP pula telah dianjurkan Program Malam Selamatkan Rohingya di mana staf Unit Kebudayaan dan Rekreasi (UKR) UniMAP bersama Kelab Seni Lakon Teater yang terdiri dari pelajar UniMAP mengadakan persembahan teater dan kutipan sumbangan kepada etnik Rohingya. *Busking* Amal Untuk Tabung Kemanusiaan Rohingya oleh UKR pula telah diadakan pada 17 September di Pasaraya Besar Giant Kangar. Ahli Muzik UKR telah membuat persembahan terbuka *busking* amal sebagai sumbangan kepada etnik Rohingya yang tertindas dan menderita di mana masyarakat Perlis sama-sama dapat berhibur sambil beramal.

Learn & Play with Lego Robotics

Pada 22 dan 23 Mac 2017, Pusat Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan (PPKKP) dengan kerjasama Pusat Kejuruteraan Sistem Elektrik (SoESE), Pusat Kejuruteraan Bioproses dan Center of Excellence for advanced Sensor Technology (CEASTech) telah menganjurkan program "Belajar dan Bermain dengan Lego Robotik". Program ini melibatkan pelajar-pelajar sekolah rendah di antara umur 9 sehingga 12 tahun dengan jumlah peserta seramai 24 orang. Objektif utama program ini adalah untuk mempromosikan dan mendedahkan para pelajar kepada pengetahuan asas robotic pada usia yang muda. Dalam program ini, para peserta didedahkan dengan asas membina

robot dengan menggunakan perisian Lego Mindstorms dengan cara 'hand-on'. Pada akhir program ini, para peserta dapat membezakan antara robot dan mesin, dapat membina pelbagai model dan bentuk robotic serta belajar asas pengaturcaraan. Diharap, program ini dapat membentuk, memupuk dan menanam lebih minat para peserta kepada kejuruteraan robotic pada masa akan datang.



Perlis Maker's DAY

Pada 24 Julai 2017, Pusat Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan (PPKKP) telah Berjaya menganjurkan "Perlis Maker's Day 2017" dibawah naungan program *Young Innovators Challenge* (YIC). Perlis Maker's Day adalah acara pertama anjuran PPKKP di peringkat negeri Perlis dalam menyokong usaha Negara memperkembangkan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Program ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh wakil Naib Canselor UniMAP, Profesor Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid yang merupakan Dekan Pusat Pengurusan dan Inovasi Penyelidikan dan seterusnya dirasmikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, Yang Berbahagia Puan Asmaiza Ahmad yang berlangsung di Dewan Kecemerlangan 2 (DK2), Kampus Pauh Putra. Sebanyak 34 projek rekabentuk yang berkaitan telah dipamerkan oleh 8 buah sekolah menengah di sekitar Perlis dengan kategori-kategori yang dipertandingkan adalah :Makanan dan pertanian, Automotif dan Mobiliti, Kesihatan dan Kediaman, Jentera dan Peralatan berat dan peruncit. Lapan buah sekolah

sekitar telah mengambil bahagian dalam program ini antaranya: Sekolah Menengah Kebangsaan Abi, Sekolah Menengah Kebangsaan Arau, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Sheikh Ahmad, Sekolah Menengah Kebangsaan Derma, Sekolah Menengah Kebangsaan Al-Madrasah Al-Alawiyah Ad Diniah, Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Hassan, Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Sirajuddin dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Budriah.

Permulaan program YIC ini adalah melibatkan pelajar dan pensyarah dengan menjadi mentor bagi setiap sekolah yang telah memperolehi lantihan daripada Chumbaka Sdn. Bhd. sejak April 2017. Beberapa lawatan dan bootcamp telah dianjurkan ke sekolah-sekolah menagan sekitar Perlis yang melibatkan guru-guru Sains dan Inovasi bersama pelajar sehingga 3 Julai 2017. Progam ini sangat berfaedah bukan sahaja kepada para pelajar tetapi juga kepada pelajar-pelajar PPKKP dengan memupuk kepimpinan dan kesukarlawaan di kalangan pelajar.

Pada *Perlis Maker's Day* ini, para pelajar diberikan yang mengambil bahagian diberikan sijil dan setiap produk inovasi dinilai oleh pensyarah-pensyarah PPKKP bagi menilai produk-produk STEM yang berkualiti bagi menerima Anugerah Khas, Pingat Emas, Perak dan Gangsa. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

GOLD AWARD		
SCHOOL	PROJECT TILE	SPECIAL AWARD
Sekolah Menengah Kebangsaan Derma	Bild Ozean	Best of the Best Award
Sekolah Menengah Kebangsaan Derma	Watched Dog	-
Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Hassan	Auto Folding Cloth	Potential of Commercialization Award
SILVER AWARD		
Sekolah Menengah Kebangsaan Derma	Easy Cloth Line	-
Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Sheikh Ahmad	Ping Pong Machine	-
Sekolah Menengah Agama Al Madrasah Al Alawiyah	Mood Lamp Using Remote Control	-
Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Sheikh Ahmad	The Second Sight	-
BRONZE AWARD		
Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Sheikh Ahmad	E-Shelf	
Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Budriah	Light Remote Control	
Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Sheikh Ahmad	Paw Feeder	Best Presentation Award



Think big with Code: Introduction to Micro:bit

Pada 9 September 2017, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan dengan kerjasama Elvira System Sdn. Bhd dan IEEE UniMAP telah Berjaya mengadakan bengkel Think big with Code: Pengenalan kepada Micro:bit. Bengkel ini menyasarkan penyediaan kemahiran pengaturcaraan dengan menggunakan Micro:bit kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah berumur diantara 10 sehingga 16 tahun.

Di dalam dunia digital pada hari ini, pengaturcaraan adalah kemahiran asas yang amat dan perlu ada dikalangan para pelajar, di samping matematik, membaca dan sains. Namun demikian, kemahiran pengaturcaraan ini kurang didedahkan kepada para pelajar sekolah. Oleh itu, misi utama bengkel ini adalah untuk memperkenalkan pengaturcaraan kepada para pelajar dan memupuk minat pengaturcaraan sejak di bangku sekolah. Menariknya, bengkel tidak khusus kepada mana-mana bahasa pengaturcaraan yang khusus, ini kerana matlamat adalah untuk menunjukkan kepada para pelajar pengaturcaraan boleh di belajardengan mudah, dan senang untuk difahami.

Selain itu, bengkel ini diadakan bagi mewujudkan platform yang menyeronokkan dan menarik dimana para pelajar bukan sahaja belajar tentang pengaturcaraan tetapi juga diberi peluang untuk menjadi kreatif dengan menggukan kod. Selain itu, bengkel ini diadakan bagi member peluang kepada para pelajar untuk explorasi bagaimana objek seharian berfungsi dengan

adanya perkakasan and persisian dan seterusnya menggunakan imaginasi untuk membina objek atau produk yang baru. Objektif bengkel ini adalah: (1) memperkenalkan alat, teknik dan idea kepada para pelajar dengan member inspirasi, keseronokan dan kreativiti dalam pengaturcaraan, (b) menunjukkan kepada para pelajar bahawa pengaturcaraan adalah hobi yang luarbiasa, praktikal dan sangat bermanfaat.

Seramai 80 orang pelajar berusia di antara 8 - 15 tahun mengambil bahagian dalam bengkel yang ujung kali diadakan ini. Para pelajar merupakan pelajar-pelajar dari sekitar Perlis dan Kedah seperti:

• Sekolah Kebangsaan Putra	• Sekolah Kebangsaan Tengku Budriah
• Sekolah Kebangsaan Tungku Ismail	• Sekolah Kebangsaan Dato> Wan
• Sekolah Sri Alhasanah, Parit Buntar	• Sekolah Rendah Kebangsaan Stella Maris
• Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok	• Sekolah Kebangsaan Sultan Ahmad Tajuddin
• Sekolah Agama Al-Islahiyah (R)	• Sekolah Kebangsaan Kampung Serdang
• Sekolah Rendah Al-Azhar	• Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Darul Aman
• Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Cheong Chen	• MRSM Beseri
• Sekolah Kebangsaan Ujong Batu	• Sekolah Kebangsaan Jelempek
• Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Puteri Jaya	• Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis
• Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Khoo Aik	• Sekolah Jenis Kebangsaan Choon Siew
• Sekolah Menengah Tuanku Lailatul Shahreen	• Sekolah Kebangsaan Teroi
• Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Sirajuddin	• Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Ahmad



Tenaga pengajar Micro:bit adalah daripada Elvira System Sdn. Bhd dan para pensyarah PPKKP. Diharap bengkel ini dapat memberikan maafaat kepada para pelajar dan mendapati pengaturcaraan adalah sesuatu yang senang untuk dipelajari danmenyeronokkan!.

MERCY Malaysia

UniMAP juga turut menyumbang khidmat bakti melalui misi sukarelawan di luar negara dengan menyertai MERCY Malaysia. Prof Dr Iqbal Omar telah berpeluang untuk menyertai dua misi MERCY Malaysia di Bangladesh, 30 oktober hingga 12 November 2017 dan Turki, 15 hingga 23 April 2017 bagi menyalurkan bantuan perubatan dan kemanusiaan berikutan gempa bumi . UniMAP berbangga dengan keberanian dan semangat jitu beliau dalam misi tersebut. Ini merupakan khidmat bakti yang tiada tolok bandingnya samada di dalam Negara malah di peringkat antarabangsa.



Bantuan Perubatan Dan Kesihatan semasa gempa bumi di Bangladesh



Bantuan Perubatan Dan Kesihatan semasa gempa bumi di Turki

Bengkel Asas Penanaman Cendawan Tiram

Pada 17 Oktober 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Kampus UniCITI Alam Sg Chuchuh, Jabatan Teknologi Kejuruteraan Kimia, FTK telah berjaya menganjurkan bengkel asas penanaman cendawan tiram. Bengkel ini mempunyai tiga sesi ceramah berkaitan penanaman cendawan tiram dan juga pendedahan secara praktikal. Seramai 26 orang peserta sekitar negeri Perlis telah menyertai bengkel ini. Mereka terdiri daripada



pelbagai latarbelakang bidang pekerjaan serta berminat untuk mengetahui tentang teknik dan kaedah-kaedah berkaitan penanaman cendawan tiram. Aktiviti sepanjang bengkel dikendalikan sepenuhnya oleh 10 orang Ahli Jawatan Kuasa bengkel yang telah dilantik dalam kalangan staf Jabatan Teknologi Kejuruteraan Kimia dan juga graduan intern. Sepanjang sesi ceramah, para peserta telah memberikan maklumbalas yang positif serta turut melibatkan diri sepanjang ceramah diberikan. Peserta diberi peluang untuk bertanyakan soalan dan berkongsi pendapat sepanjang sesi ceramah diadakan. Para peserta juga berpeluang dibawa ke Ladang Cendawan komersil milik En. Shukri di Sg. Chuchuh Padang Besar. Semasa lawatan di ladang, para peserta ditunjukkan secara praktikal tentang proses penanaman cendawan termasuklah cara untuk membuat campuran bongkah dan cara untuk memasukkan benih cendawan ke dalam bongkah. Para peserta turut diberi peluang untuk mencuba membuat campuran bongkah sendiri dan memasukkan benih cendawan kedalamnya. Selain daripada itu, En. Shukri turut berkongsi latar belakang beliau serta pengalaman dalam bidang penanaman cendawan. Diharapkan bengkel seperti ini dapat diadakan lagi untuk memberi maklumat tentang penanaman cendawan yang boleh dijalankan oleh masyarakat umum sebagai salah satu sumber pendapatan.

Program Sahabat Sahur POTENSI 2017

Pada 17 Jun 2017 yang lalu Program Sahabat Sahur POTENSI (Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas UniMAP) pada tahun ini sekali lagi berkesempatan beramah mesra dan menyampaikan sumbangan sahur kepada Pegawai-pegawai Keselamatan Negara sekitar negeri Perlis bermula jam 10.30 malam hingga 5.30 pagi. Turut sama YBhg. Prof. Dr. Rezuwan

Kamaruddin Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa) dan Ybgh. Prof. Madya DR. Mohd Fo'ad Sakdan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) yang mewakili Naib Canselor, En. Zuber Mohamad Pendaftar UniMAP dan Presiden POTENSI En. Rusdi Puteh.

Antara Pos Keselamatan yang dilawati adalah Angkatan Pertahanan Awam Kangar, Balai Bomba & Penyelamat Kangar, Jabatan Kecemasan Hospital Tuanku Fauziah Kangar, IPD Padang Besar, Aksem UniCITI Alam dan Padang Besar, Pos Keselamatan UniMAP sekitar Kangar, UniCITI Alam dan Pauh Putra dan yang terakhir berpeluang bersahur bersama anak-anak yatim di Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Perlis Kompleks Penyayang Dr. Siti Hasmah Kangar. Program bermula pada jam 11 malam dan berakhir jam 5.30 pagi.



UniMAP dan Masyarakat Perlis berpisah tiada Misi "Sekolah untuk Semua" Perlis 2017

Piskanita UniMAP dengan kerjasama 3rd Force Perlis, satu badan Bantuan Kemanusiaan Awam Terbesar Di Malaysia telah mengadakan Misi "Sekolah untuk semua" bagi semua pelajar-pelajar kurang berkemampuan di seluruh negeri Perlis. Pelbagai bentuk sumbangan daripada seluruh warga UniMAP dan orang ramai dalam bentuk kewangan dan barang-barang sekolah terpakai telah dikumpulkan dan diagihkan dalam bentuk Pek Bantuan Persekolahan kepada pelajar-pelajar ini. Rata-rata sukarelawan menyatakan keinsafan melihat keadaan rumah penerima asnaf dan betapa gembiranya asnaf ini apabila menerima bantuan sumbangan daripada orang ramai

khususnya warga UniMAP. Penerima bantuan mengucapkan kesyukuran dan penghargaan kepada semua penyumbang, penyampai maklumat dan sukarelawan. Sukarelawan telah menyampaikan sumbangan secara keseluruhannya 50 Pek Bantuan Persekolahan kepada asnaf di sekitar Kg Seberang Alor dan Kg. Wai Kuala Perlis, Kg. Bakau, Kangar, Chuping, Beseri dan Utan Aji. Di samping itu juga, sukarelawan turut menyampaikan amanah bantuan Pek Sekolah kepada anak-anak Rumah Teduh yang diuruskan oleh seorang wanita yang mesra dengan panggilan Bonda. Misi beliau adalah membantu anak-anak yatim dan anak-anak yang memerlukan tempat berteduh. Terpancar kegembiraan anak-anak ini yang teruja untuk ke Sekolah sambil sukarelawan memberikan kata-kata nasihat supaya anak-anak ini terus menimba ilmu hingga berjaya.



Bantuan Bencana Banjir Perlis

Atas keprihatinan Piskanita UniMAP ke atas bencana banjir yang telah menimpa di beberapa tempat di sekitar negeri Perlis, satu misi pengumpulan sumbangan bantuan bencana banjir telah dianjurkan di mana sumbangan terdiri sama ada dalam bentuk kewangan, kelengkapan harian, pakaian dan makanan. Hasil sumbangan telah disampaikan oleh ahli-ahli Piskanita kepada dua Pusat Pemindahan Mangsa Bencana Banjir iaitu di MRSM Beseri Perlis dan Kg Titi Tinggi Hilir, Padang Besar. Secara keseluruhannya seramai kira-kira 72 orang mangsa banjir telah menerima sumbangan ini. Sumbangan ini juga turut diagihkan di negeri-negeri jiran yang turut dilanda bencana banjir iaitu di Kedah dan Pulau Pinang.

2017 NATIONAL SCIENCE CHALLENGE (NSC)

Pihak UniMAP telah dijemput oleh pihak Akademi Sains Malaysia untuk menjadi penganjur kepada program 2017 NATIONAL SCIENCE CHALLENGE (NSC) iaitu pertandingan kuiz sains khusus untuk pelajar Tingkatan 4 di seluruh negeri Perlis. Seperti sebelumnya, Akademi Sains Malaysia (ASM) berkerjasama erat dengan Young Scientists Network-Academy Science Malaysia (YSN-ASM), Kementerian Pendidikan Malaysia dan penaja utama iaitu ExxonMobil Subsidiaries. Melalui Jalinan kerjasama ini, pihak ASM telah berbesar hati menaja sepenuhnya program NSC dan tiada implikasi kewangan terhadap pihak UniMAP. Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Pejabat TNC (Akademik & Antarabangsa) telah dianjurkan pada 13 Julai 2017 (Khamis) bermula 8:00 pagi hingga 2 petang di Dewan Kecemerlangan, Kampus Alam Pauh Putra, UniMAP yang melibatkan 200 orang peserta.



AktivitiUSR lain yang telah dianjurkan sepanjang tahun 2017 oleh Pusat-pusat Tanggungjawab (PTj) UniMAP

Tarikh	Tempat	Program/Aktiviti
24-27 Jan	Pasir Puteh, Kelantan	<p>Misi Bantuan Banjir Kelantan</p> <p>Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menggerakkan misi Ops Banjir Pantai Timur Fasa 1 bagi tahun ini ke Kelantan dalam usaha membantu proses pembersihan kawasan banjir di beberapa kawasan yang terjejas teruk. Seramai 35 sukarelawan yang terdiri daripada 20 lelaki dan 15 perempuan terlibat bagi melaksanakan misi berkenaan. Sukarelawan telah ditempatkan di Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kesihatan, Kubang Kerian dan menumpukan usaha pembersihan di tiga lokasi pemindahan banjir sementara bermula 24 hingga 27 Januari iaitu di Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Jajahan Pasir Puteh, pusat pemindahan sementara mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Canggih dan di SK Wakaf Raja. Antara pengisian aktiviti misi ini adalah membersihkan dan mencuci pejabat JK M Pasir Puteh termasuk dua pusat pemindahan ini selain menganjurkan aktiviti bersama kanak-kanak mangsa banjir seperti mewarna, tarian serta gotong-royong memasak bersama Anggota Perkhidmatan Awam (APM) serta JK M. Misi ini juga turut mendapat kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA UniMAP, Jabatan HEPA UniMAP, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2016/17 serta Kelab Sukarelawan UniMAP selain kerjasama HEPA USM, JK M Pasir Puteh dan APM Kelantan. Sesi perkongsian, motivasi serta interaksi bersama mangsa-mangsa banjir juga telah dijalankan dalam usaha mengurangkan tekanan kepada mereka. UniMAP turut menghulurkan bantuan berupa barangan keperluan kepada JK M dan APM bagi memberi sokongan serta melancarkan usaha agensi terlibat dalam membantu mangsa banjir. Untuk rekod, pada Januari tahun 2016 yang lalu, UniMAP menggerakkan misi bantuan pasca banjir dengan membabitkan 2000 sukarelawan pelajar dan kakitangan UniMAP sendiri melibatkan tujuh fasa bagi membantu mangsa banjir di Kelantan.</p>
8 Feb 23 Ogos	Photonics Lab & Cleanroom School of Microelectronic Eng. Microfabrication Cleanroom School of Microelectronic Engineering	<p>Collegiality and Commonality</p> <p>Program <i>Commonality & Collegiality</i> antara Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik UniMAP dan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Perlis (PTSS). Pelajar Diploma Kejuruteraan Optoelektronik diajar dan diberi pendedahan kepada kemudahan-kemudahan Makmal Fotonik dan Makmal Bilik Bersih.</p>
10 Feb	SK Bongon Besar, Sandakan Sabah	<p>Projek Alat Tulis</p> <p>Selain semenanjung Malaysia, UniMAP juga prihatin kepada yang anak-anak yang kurang berkemampuan di Sabah dan Sarawak. PPK Alam Sekitar telah mengadakan kutipan derma sumbangan untuk membeli alat tulis serta wang saku buat pelajar-pelajar di SK Bongon, Sandakan Sabah. Sumbangan telah dihantar kepada sekolah tersebut melalui Pos Udara dimana setiap pek alat tulis bernilai RM5 dan RM5 wang saku. Semoga dengan sumbangan kecil ini membangkitkan semangat untuk anak-anak ini menuntut ilmu walau serba kekurangan.</p>
13 Apr	SMK Derma	<p>Hari Ko-Kurikulum</p> <p>Pameran Kejuruteraan Elektronik, Mikroelektronik dan Fotonik semasa Hari Ko-Kurikulum SMK Derma</p>
Bermula 14 Apr 2017	SK Sena, Kangar Perlis	<p>Kelas Tambahan UPSR 2017</p> <p>PPK Alam Sekitar telah berbesar hati membantu anak-anak yang bakal menghadapi UPSR dalam membuat persiapan akhir di sekolah angkat UniMAP, SK Sena Kangar.</p>
27 Apr	SMK Dato' Sheikh Ahmad	<p>Hari Ko-Kurikulum - Robotic Crash Course</p> <p>Bengkel Robotik oleh pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik disertai oleh sekitar 40 pelajar SMK Dato' Sheikh Ahmad sempena Hari Ko-Kurikulum. Pelajar didedahkan dengan konsep Arduino dan Bluetooth serta diperkenalkan dengan asas bahasa pengaturcaraan. Bengkel diakhiri dengan pertandingan sesama peserta.</p>
6 Mei	IMK, Kampus Alam Pauh Putra	<p>Fun and Interactive Learning Camp</p> <p>Program ini diadakan bertujuan untuk merangsang perkembangan kanak-kanak dari aspek sosial, kognitif, afektif dan motor. Program ini telah diadakan di Bilik Kuliah Pusat Kejuruteraan, UniMAP. Seramai 35 orang kanak-kanak berusia 5 hingga 8 tahun yang terdiri daripada pelajar tadika dan sekolah sekitar Negeri Kedah dan Perlis telah menyertai program ini dengan jayanya. Sebanyak sepuluh aktiviti telah dijalankan sepanjang program ini iaitu "ABC Treasure Hunt", "Sticky Art", "Geometry Puzzles", "Match the Sticks", "Fish for Numbers", "Fun with DAMAT", "Magic Alphabet Bottle" and "Who has the Candy". Program ini dibantu oleh 13 orang fasilitator yang terdiri daripada para pelajar UniMAP.</p>
9 Mei	Unit Kebudayaan dan Rekreasi UniMAP	<p>Lawatan Tadika Pewaris Generasi UniMAP ke UKR</p> <p>Pelajar-pelajar tadika beramah mesra bersama semua staf UKR dan telah menjalankan pelbagai aktiviti bersama Artis Budaya dan Ahli Muzik UKR seperti pengenalan kepada alatan muzik, tarian dan lawatan ke studio muzik dan studio tari.</p>
9 Mei	Bangunan Blok B, Hospital Tuanku Fauziah, 01000 Kangar, Perlis	<p>Majlis Perasmian Bangunan Blok B Hospital Tuanku Fauziah</p> <p>Majlis ini telah dirasmikan oleh DYMM Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamallullail, Raja Perlis. Turut sama hadir Yang Berhormat Datuk Dr.S.Subramanian, Menteri Kesihatan Malaysia dan Dato' Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis serta kakitangan hospital. Blok B merupakan bangunan baharu setinggi tujuh (7) tingkat di Hospital Tuanku Fauziah dengan rasminya dikenali sebagai Blok Wanita dan Kanak-Kanak telah siap di bina pada penghujung tahun 2015 dengan kos pembinaan sebanyak RM193 juta dan dilengkapi dengan peralatan dan kemudahan kesihatan terkini. Perkhidmatan yang disediakan merangkumi Wad Obstetrik dan Ginekologi, Paediatrik, Pusat Penilaian Pesakit (PAC), Labour & Delivery Suite, Dewan Bedah, Jabatan Farmasi dan Wad DiRaja. Unit Multimedia telah menyediakan perkhidmatan Multiple Camera Production (MCP) dalam mengendalikan majlis ini. Ianya memberi impak yang positif dalam masyarakat tempatan melalui penyiaran secara langsung yang mempamerkan kemudahan fasiliti yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada penduduk setempat khususnya di negeri Perlis.</p>
8 Jun	Surau UniMAP Pauh Putra	<p>Majlis Iftar di Surau Pauh Anjuran Persatuan Isteri dan Kakitangan Wanita (Piskanita) UniMAP Dengan Kerjasama Pusat Islam Unimap</p> <p>Piskanita UniMAP telah membuat kutipan derma bagi penyediaan makanan iftar kepada para jemaah solat Maghrib terutama mahasiswa UniMAP di kolej kediaman sekitar Kampus Alam UniMAP Pauh Putra. Seramai kira-kira 200 orang pelajar telah hadir dalam Majlis Iftar ini.</p>

Tarikh	Tempat	Program/Aktiviti
12 - 16 Jun	Sekitar negeri Perlis	D'Hati MikroE Kutipan dan agihan sumbangan kepada Maahad Tahfiz Al-Hikmah (Kampung Belukar, Padang Siding), Maahad Tahfiz Al-Barqiy (Arau), Teratak Rahmat (Jalan Mata Ayer), Rumah Teduh (Jalan Sekolah Derma) dan Rumah Hembusan Kasih (Kubang Gajah)
15 Jun	Dewan Rumah Mak Teh Kangar	Majlis Berbuka Puasa Staf dan Ahli Keluarga Serta Pelajar iKOM bersama Anak-Anak Yatim Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa bersama staf dan ahli keluarga serta pelajar iKOM bersama anak-anak yatim. Program ini diadakan bagi meraikan 40 orang anak yatim yang dijemput khas dari Rumah Hembusan Kasih dan Rumah Mak Teh. Majlis telah disempurnakan oleh Dekan iKOM, Prof. Madya Dr. Hj. Huzili Hussin bagi menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada anak-anak yatim. Program tahunan ini mengeratkan hubungan silaturrahim dengan anak-anak yatim disamping mendekati dan mendalami isi hati mereka yang telah kehilangan ibu bapa.
23 Jun	Perlis dan Kedah	Program Barakah Ya Ramadhan 2017 kepada Golongan Asnaf di sekitar Kedah dan Perlis sempena Bulan Ramadhan 1438H Bersama Alumni UniMAP anjuran Unit Pembangunan Alumni UniMAP Prof. Madya Dr. Mohd Foad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (HEPA), UniMAP bersama-sama Timbalan (Dekan Pembangunan Alumni), Dr. Ummi Naiemah Saraih serta staf dari Unit Pembangunan Alumni dan wakil-wakil dari Persatuan Alumni UniMAP telah menyampaikan sumbangan kepada asnaf-asnaf di Kampung-kampung sekitar negeri Perlis iaitu Kampung Kok Klang, Kampung Gial, Kg Wai, Kg Lembah Keriang, Kg Pokok Sena, Utan Aji dan Kampung Sentua. Sumbangan yang disalurkan kepada asnaf-asnaf tersebut adalah bertujuan untuk membantu meringankan beban mereka khususnya bagi persediaan dalam menyambut Perayaan Aidil Fitri. Sekitar RM3000 telah diagihkan kepada asnaf-asnaf dalam bentuk sumbangan tunai beserta hamper yang mengandungi keperluan asas dapur. Program ini mengembangkan USR di kalangan alumni demi membantu dan melahirkan rasa empati yang tinggi dalam menjivai kesulitan yang dihadapi oleh golongan asnaf.
12 Jul	Rumah Kanak-Kanak (RKK) Arau	Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri (N-GAGE I) bersama Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) UniMAP dan Rumah Kanak-Kanak (RKK) Arau. Pada 12 Julai 2017, Kelab Kebajikan Institut Matematik Kejuruteraan (KeK-IMK) telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri (N-GAGE I). Acara ini merupakan usahasama antara Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) UniMAP dan Rumah Kanak-Kanak (RKK) Arau, yang berlangsung di RKK Arau. Acara ini dimulakan dengan nyanyian lagu UniMAP, diikuti oleh ucapan alu-aluan dari Pengetua RKK Arau, Puan Anies Suzana Azhan Ahamad diikuti ucapan oleh Dekan IMK, Dr. Muhammad Zaini Ahmad. Pengarah JKM Perlis, Encik Mohd Hazam bin Ismail telah merasmikan pembukaan majlis tersebut. Antara aktiviti lain yang berlangsung adalah pertandingan gerai makanan dan pemberian duit raya kepada anak-anak RKK Arau. Turut serta dalam majlis ini adalah sejumlah penduduk yang tinggal berdekatan RKK Arau. Acara berakhir dengan sesi penyampaian saguhati di antara IMK dan RKK Arau. Diharapkan dengan berlangsung aktiviti ini dapat mengeratkan lagi hubungan UniMAP dan masyarakat setempat khususnya penghuni RKK Arau.
29 Jul	DKNI, PPK Mekatronik, Kampus Alam Pauh Putra	Drug Abuse Campaign <i>The collaborative program between the Pejabat Majlis Profesor, the Co-Curriculum Centre, School of Mechatronic Engineering accommodated 120 selected Ko-Curriculum students to attend the talks. After the lectures, the selected student along with the staff produced a murals «We Are Drug-Free» on the wall at the School of Mechatronic Engineering.</i>
	Dewan Pak Sheikh Ahmad Rumah Anak Yatim Mak Teh, Kg. Alor Tok Terang	Majlis Iftar Ramadhan 2017 bersama Rumah-Rumah Anak Yatim Perlis Staf UKR berbuka puasa bersama dan menghiburkan warga Rumah-Rumah Anak Yatim Perlis serta memberi sumbangan dengan kerjasama JKKK Encik Mohd Yusri Yusop
20 Ogos	Masjid Al-Imarah, Abi, Batas Paip, Kangar, Perlis	Pusat Kesihatan UniMAP dengan kerjasama AJK Masjid Al-Imarah, Abi, Batas Paip, Kangar, Perlis telah mengadakan Program Pemeriksaan Kesihatan dan Gotong-Royong Santai bersama penduduk setempat. Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Nurul Hisham Yaakob, Exco Kesihatan Negeri Perlis. Selain daripada mewujudkan persekitaran yang kondusif, melakukan aktiviti fizikal seperti bergotong-royong yang boleh membakar kalori badan adalah komitmen diri untuk membudayakan gaya hidup sihat. Kita perlu mewujudkan generasi celik kesihatan dan mengamalkan gaya hidup sihat kerana gaya hidup seharian dapat mengurangkan risiko untuk menghidap penyakit kronik yang boleh memendekkan jangka hayat kita. Selain daripada pemeriksaan kesihatan dan gotong-royong membersihkan kawasan masjid, turut diadakan taklimat mengenai gaya hidup sihat dan sesi soal jawab isu kesihatan dan pameran kesihatan. Program tamat pada jam 1.00 petang dengan jemputan jamuan makan tengahari yang disediakan secara rawang oleh AJK Masjid serta staf PKU.
29 Sept	Dewan Warisan, 01000 Kangar, Perlis, Malaysia	Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Perlis Unit Multimedia telah dipertanggungjawabkan dalam mengendalikan majlis Maal Hijrah peringkat Negeri Perlis dari segi persediaan multimedia dalam perkhidmatan Multiple Camera Production (MCP). Tema Maal Hijrah 1439 pada tahun ini bertemakan "Kesatuan Ummah Kesejahteraan Negara". Maal Hijrah disambut bagi mengingati penghijrahan Nabi Muhammad SAW dan kaum muslimin dari Kota Makkah ke Kota Madinah. Majlis Maal Hijrah peringkat Negeri Perlis diserikan dengan kehadiran Raja Muda Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail. Turut hadir Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man dan kakitangan Awam serta orang awam di sekitar Negeri Perlis. Tokoh Maal Hijrah Negeri Perlis 1439 dianugerahkan kepada Karim Salleh, 76 dan Azizah Abu Seman, 71 yang menerima sijil dan hadiah serta wang tunai berjumlah RM5,000 setiap seorang. Majlis Maal Hijrah ini dapat mengeratkan hubungan antara kakitangan awam Negeri Perlis di mana, semua berpeluang untuk bekerjasama menjayakan majlis ini dengan sempurna. Melalui majlis seperti ini, masyarakat dan kakitangan awam dapat membudayakan kehidupan seharian dengan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai idola dalam melaksanakan tugas seharian. Unit Multimedia telah bertungkus lumus dalam memberi perkhidmatan yang terbaik dalam majlis ini. Siaran langsung majlis ini berjalan lancar tanpa sebarang masalah atau gangguan teknikal. Secara keseluruhannya UniMAP adalah sebagai salah sebuah Universiti Awam di Negeri Perlis berjaya memberi komitmen sepenuhnya dalam majlis ini.

Tarikh	Tempat	Program/Aktiviti
1 Okt	Kompleks LKIM Kuala Perlis, Kampung Perak	Pesta Air Kuala Perlis Pesta Air Kuala Perlis dianjurkan setiap tahun yang melibatkan kampung-kampung nelayan di Kuala Perlis. Namun begitu pada tahun ini terdapat penyertaan daripada pasukan negeri luar. Sebanyak 34 buah pasukan terlibat termasuk daripada negeri Pulau Pinang dan agensi Kerajaan di Putrajaya. Acara ini semakin mendapat perhatian dari pihak luar untuk menyertai. Perlis mampu menjadikan acara ini ke peringkat yang lebih tinggi. Pesta ini dihadiri Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berkenan mencemar duli menutup acara tersebut yang berlangsung selama dua hari dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Datuk Abdul Jamil Saad dan Menteri Besar Perlis Dato' Seri Azlan Man. Dalam acara tersebut, Kampung Seberang Ramai muncul johan bagi Kategori Perahu Panjang Terbuka dan Tradisi Kampung Perlis, Perahu Naga Antara Negeri Jemputan (Pulau Pinang) dan Perahu Naga Jabatan dan Agensi Kerajaan Perlis (Institut Kemahiran Belia Negara) yang menerima hadiah wang tunai berjumlah RM3,000.00 setiap pasukan. Dalam pesta ini, Unit Multimedia telah menyediakan perkhidmatan Multiple Camera Production (MCP). Pesta ini dapat memberi peluang kepada Unit Multimedia amnya dan khasnya UniMAP bagi menonjolkan perkhidmatan dalam bidang produksi dan siaran secara langsung melibatkan program-program besar. Hal ini dapat menjana pendapatan universiti pada masa akan datang. Dengan kepercayaan yang tinggi daripada orang ramai tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak Unit Multimedia di samping penguasaan caj bayaran yang berpatutan.
20 Okt	Masjid Negeri Perlis	PALAPES UniMAP sertai Gotong-royong Bersih Masjid Bagi memupuk semangat sukarelawan dalam kalangan mahasiswa, seramai 400 anggota Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Universiti Malaysia Perlis (Unimap) telah menyertai Program Jiwa Murni di Masjid Al-Rahmaniah di sini hari ini. Program dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) itu melibatkan aktiviti gotong-royong membersihkan sekitar kawasan serta keceriaan landskap masjid melalui aktiviti mengecat dan baik pulih kemudahan asas. Program yang diadakan ini selaras dengan Program Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pendidikan Tinggi (PT) 2015-2025 menerusi Lonjakan 1 iaitu melahirkan graduan holistik serta memupuk semangat kesukarelawanan dalam diri mahasiswa. Selain itu juga, program ini mampu mewujudkan jalinan kerjasama erat antara universiti dengan masyarakat setempat selaras dengan moto <universiti dan masyarakat berpisah tiada>. Pada program ini, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Canselor Unimap dan Yang Dipertua MAIPs turut berkenan mencemar duli berangkat merasmikan program Jiwa Murni Palapes Unimap itu. Hadir sama mengiringi baginda ialah CEO MAIPs, Mohd. Nazim Mohd. Noor serta Timbalan Komandan Palapes Unimap Lt. Kol. Prof. Dr. Zaliman Sauli.
Berkala sepanjang tahun	Pusat Kesihatan UniMAP & Hospital Tuanku Fauziah	UniMAP Penyumbang Tabung Darah Tertinggi di Perlis Pusat Kesihatan UniMAP dengan kerjasama Unit Transfusi, Hospital Tuanku Fauziah telah bekerjasama menjalankan Kempen Derma Darah di kampus UniMAP. Kebiasaannya, kempen ini dijalankan di kolej-kolej kediaman UniMAP dan majlis-majlis rasmi UniMAP. Objektif kempen derma darah adalah untuk membantu meningkatkan pembekalan darah di hospital serta prihatin menyumbangkan darah untuk mereka yang memerlukan. Pada tahun 2013, 2014 dan 2015, Pusat Kesihatan UniMAP telah dianugerahkan Penganjur Kempen Derma Darah Paling Aktif sempena Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia daripada Pusat Darah Wilayah Utara manakala UniMAP menerima sijil penglibatan dan sumbangan khidmat bakti pada tahun 2016. Pencapaian tertinggi UniMAP pada tahun 2017 sebagai Penyumbang Tertinggi di negeri Perlis sebanyak 1423 unit darah.
Berkala sepanjang tahun	Taska / Tadika Pewaris Generasi UniMAP.	Lawatan ke Taska / Tadika Generasi UniMAP Program ini dijalankan oleh Pusat Kesihatan UniMAP (PKU) secara berkala dalam menjaga kebajikan anak-anak staf UniMAP dengan memastikan mereka berada dalam keadaan sihat, persekitaran taska/tadika yang bersih dan selamat serta mendapat pengetahuan mengenai penjagaan kesihatan diri termasuk kesihatan oral. Jumlah keseluruhan kanak-kanak di taska/ tadika ialah seramai 2,115 orang.
Berkala (Apr, Mei, Ogos dan Sept)	Tempat Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti	Program Pemeriksaan Kesihatan Pusat Kesihatan UniMAP (PKU) menjalankan program pemeriksaan kesihatan ringkas selepas Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti. Pemeriksaan kesihatan ini akan menumpukan kepada staf UniMAP yang berumur 40 tahun dan ke atas, BMI 27 dan ke atas KECUALI pesakit yang sedang mendapatkan rawatan Non Communicable Disease (NCD) di PKU. Objektif program ini adalah untuk menggalakkan staf menjalani saringan kesihatan untuk mengetahui status kesihatan mereka tanpa menunggu sehingga sakit untuk mendapatkan rawatan. Objektif lain adalah untuk mengetahui status penyakit NCD staf UniMAP yang masih belum mempunyai rekod rawatan penyakit NCD di PKU dan staf yang dikenalpasti berisiko akan dibimbing untuk mencapai tahap kesihatan yang lebih baik manakala staf yang menghidapi penyakit NCD akan diberi rawatan di PKU. Daripada 102 peserta, 13 staf mempunyai kandungan gula yang tinggi, 5 daripada mereka confirmed diabetes mellitus, 57 hyperlipidemia. 45 staf memberikan komitmen untuk mengubah gaya hidup dan bersenam bagi mencapai tahap kesihatan yang lebih baik manakala seorang staf telah mula mendapatkan rawatan di PKU. 1 sesi saringan kesihatan akan diadakan semula untuk melihat tahap kesihatan terkini staf yang memberikan komitmen untuk mengubah gaya hidup sihat dan bersenam.
29 Ogos - 15 Nov	SMK Syed Hassan, SK Tambung Tulang, SMK Padang Besar Utara, SMK Mata Ayer	STEM @ Perlis 2017 STEM@Perlis is an initiative by UniMAP and JPN Perlis to raise STEM awareness at primary and secondary schools in Perlis via various STEM activities, exhibitions and consultations.
1 hingga 3 Nov	PPK Alam Sekitar	Car Wash Day Pelajar dan Staf PPK Alam Sekitar telah menganjurkan Car Wash Day di mana mereka memberikan perkhidmatan cucian kereta bagi semua pelajar dan staf dengan bayaran yang minima.
5 Nov	Kompleks Penyayang Dr. Siti Hasmah Jejaw Dalam	Program Ikatan Kasih GET Bersama Anak-Anak Yatim Ahli Kelab Kelestarian Bumi (GET), PPK Alam Sekitar telah menganjurkan Program Ikatan Kasih Bersama Anak-Anak Yatim di Kompleks Penyayang Dr Siti Hasmah Jejaw Dalam bermula seawal pagi jam pukul 7.30 pagi. Pelbagai aktiviti telah dijalankan termasuk Aktiviti senamrobik, makan pagi bersama, Aktiviti gotong-royong dan pembersihan kawasan, Aktiviti bersama kumpulan (SHARING SESSION), Acara penanaman anak pokok sumbangan dari GET kepada Kompleks Penyayang Tun Dr.Siti Hasmah dan solat zuhur berjemaah.

Tarikh	Tempat	Program/Aktiviti
7 Nov	Sek. Keb. Seri Tunjung, Perlis	PPKAS-STEM Treasure Hunt Tujuan program diadakan bagi memupuk minat pelajar sekolah dalam sains, teknologi dan matematik secara amnya, dan bidang kejuruteraan awam dan alam sekitar khususnya. Program yang berbentuk permainan carian harta karun ini dikendalikan oleh pelajar ijazah sarjana muda dan pasca siswazah, di bawah penyeliaan beberapa orang pensyarah.
16 Nov	Sekolah Agama Al Islahiyah, Perlis	Bengkel Kesedaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik (STEM) Bengkel Kesedaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik (STEM) ini telah diadakan di Dewan Sarjana, SK Pauh dan seramai 80 orang pelajar Tahun 5 & 6 telah menyertai bengkel ini dengan jayanya. Objektif utama bengkel STEM ini adalah untuk menanamkan minat pelajar-pelajar terhadap mata pelajaran STEM. Pengisian bengkel berbentuk ceramah dan aktiviti berkumpulan berkaitan STEM. Ceramah disampaikan oleh Dr. Mohamad Nazri Abdul Halif dan aktiviti kumpulan dikendalikan oleh oleh 15 orang fasilitator yang terdiri daripada pensyarah dan staf IMK.
2 Dis	Dewan Serbaguna Kubang Gajah UniMAP	Forging Traditions Program UKR UniMAP bersama ASWARA memberi latihan tarian secara percuma kepada pelatih dan pelajar sekolah sekitar Perlis.



Misi Banjir Kelantan



Gambar sekitar Program Barakah Ya Ramadhan 2017 kepada Golongan Asnaf di sekitar Kedah dan Perlis sempena Bulan Ramadhan 1438H Bersama Alumni UniMAP



Sukarelawan UniMAP melakukan aktiviti mewarna bersama anak-anak mangsa banjir di pusat pemindahan sementara SK Canggai.



Gambar sekitar Majlis Berbuka Puasa Staf dan Ahli Keluarga Serta Pelajar iKOM bersama Anak-Anak Yatim



Aktiviti pengenalan kepada Alatan Muzik dan sesi suai kenal Bersama Staf UKR



Gambar sekitar Majlis Iftar Ramadhan 2017 bersama Rumah-Rumah Anak Yatim Perlis



Gambar sekitar Majlis Perasmian Bangunan Blok B Hospital Tuanku Fauziah



Gambar sekitar di sambutan Maal Hijrah 2017



Gambar sekitar Forging Traditions



Gambar di sekitar Pesta Air Perlis 2017



Minggu Derma Darah Universiti Awam Semalaysia (Siswa Prihatin) 2017





Program Pemeriksaan Kesihatan



Gotong-Royong Santai



Gambar di sekitar Pesta Air Perlis 2017



PPE Mikro Elektronik



Mural 'Saya Bebas Dadah'



Gambar Sekitar Majlis Iftar PISKANITA UniMAP



Car Wash Day



Palapes Gotong Royong Bersih Masjid